



**MAJLIS AMANAH RAKYAT
(MAR)**

Bahagian Pengurusan Risiko dan Inspektorat
Tingkat 8, Ibu Pejabat MARA,
No. 21, Jalan MARA,
50609 Kuala Lumpur

Bil. MARA : MARA.100-1/5/10(7)

Tarikh : 23 Disember 2019
26 Rabiulakhir 1441H

**SURAT EDARAN BAHAGIAN PENGURUSAN RISIKO & INSPEKTORAT
BIL. 5 / 2019**

**PEMBERITAHUAN PELAKSANAAN PENSIJILAN MARA ECOSYSTEM QUALITY
STANDARD (MQS) PADA TAHUN 2020**

Perkara di atas dengan segala hormatnya dirujuk.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MARA Bil. 1/2014 pada 9 Januari 2014 telah menetapkan Bahagian Pengurusan Risiko & Inspektorat (BPIN) menjadi bahagian penyelarasan dan pemantau kepada pelaksanaan *Quality Environment* (QE)/5S dalam MARA. Keputusan ini dibuat bagi memastikan pelaksanaan Budaya Amalan QE/5S direalisasi dan dihayati oleh semua warga MARA.

3. Manakala Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MARA Bil. 10/2016 pada 28 Jun 2016 telah meluluskan penggunaan MARA Ecosystem Quality Standard (MQS) bagi menggantikan amalan QE/5S. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) membenarkan penggunaan MQS di **semua** Pusat Pentadbiran MARA melalui surat bertarikh 24 Februari 2017.

4. Setakat Disember 2019 sebanyak 113 pusat pentadbiran MARA telah mendapat Pensijilan MQS. Pecahannya adalah seperti berikut :

- | | | |
|-----|---------------------|------|
| (a) | Ibu Pejabat MARA | : 27 |
| (b) | Pejabat MARA Negeri | : 14 |

- | | | |
|-----|-------------------------------------|------|
| (c) | IPMA: | |
| | i. Kolej Profesional MARA | : 5 |
| | ii. Kolej MARA | : 4 |
| | iii. Maktab Rendah Sains MARA | : 36 |
| | iv. Kolej Kemahiran Tinggi MARA | : 10 |
| | v. Institut Kemahiran MARA | : 12 |
| | vi. MARA Japan Industrial Institute | : 1 |
| (d) | Syarikat/Subsidiari MARA | : 4 |

5. Pada tahun 2020, pelaksanaan pensijilan MQS akan diteruskan ke pusat pentadbiran MARA yang masih belum mendapat pensijilan terutamanya di Pejabat MARA Daerah dan Pejabat GIATMARA Negeri. Sehubungan itu, semua pusat pentadbiran MARA berkenaan dikehendaki membuat penilaian sendiri dan menghantar permohonan kepada urusetia MQS melalui email : mqs@mara.gov.my bagi tujuan lawatan verifikasi.

6. Sehubungan itu Pegawai Mengawal Pusat hendaklah memaklumkan Surat Edaran ini kepada semua pusat yang terlibat untuk tindakan selanjutnya.

Kerjasama dan perhatian sepenuhnya daripada tuan/puan berhubung perkara tersebut amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“LUAR BANDAR SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



NOR ZAINI BINTI ABU KASSIM
Pengarah
Bahagian Pengurusan Risiko dan Inspektorat
MARA